



**TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA SERI DEWA
MEJAR JENERAL (B) DATO SERI PAHLAWAN
HAJI AWANG MOHAMMAD BIN HAJI DAUD
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**MAJLIS PERASMIAN PESTA BUKU BRUNEI 2008
SEMPENA HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-24,
TAHUN 2008 DENGAN TEMA
"BUKU ADALAH MASA DEPAN"**

**DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA
BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**HARI RABU, 20 SAFAR 1429
BERSAMAAN 27 FEBRUARI 2008
JAM 9.00 PAGI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Mulia,

Dr. Mataim bin Bakar,

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka selaku Pengerusi Majlis;

Yang Berhormat,

Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil

Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Haji Awang Umar,

Pengetua Pusat Sejarah;

Yang Mulia,

Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal,

Setiausaha Tetap,

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan;

Yang Mulia,

Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman,

Timbalan Setiausaha Tetap,

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan;

Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan;

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana telah mengurniakan rahmat-Nya yang membolehkan kita semua berada di Majlis Perasmian Pesta Buku Brunei 2008 pada pagi ini. Selawat serta salam ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, para sahabat dan pengikut baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua yang telah berusaha dengan gigih untuk menjayakan Pesta Buku Brunei 2008 ini demi menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-24 Tahun 2008.

Saya difahamkan fokus utama pesta buku ini adalah untuk membangkitkan kesedaran kepada pembaharuan. Tema "Buku Adalah Masa Depan" adalah contoh terbaik kepada perubahan secara berterusan. Ia amat relevan sebagai penggerak kepada minda yang sentiasa terbuka kepada minat membaca. Kita faham, mereka yang banyak membaca akan memiliki gedung ilmu yang luas dan tutur bahasa yang menarik. Juga, bangsa yang memiliki generasi yang berilmu pengetahuan yang tinggi adalah bermula dari banyak membaca. Perambahan Inggeris ada menyebut: *"The road to knowledge begins with the turn of the page"*. Tetapi dengan memiliki bahasa yang baik sahaja tidak mencukupi untuk menghadapi perkembangan semasa tanpa memiliki ilmu pengetahuan.

Sebagai institusi yang bertanggungjawab mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, di samping untuk membudayakan minat membaca di kalangan masyarakat negara ini, usaha positif jabatan ini membuka pelbagai saluran ke arah membentuk masyarakat "cintakan buku, cintakan ilmu" patut mendapat pujian. Usaha-usaha seperti penubuhan Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak dengan bertemakan "Membaca Nadi Kejayaan Bangsa", Perpustakaan di Rumah-Rumah Panjang, Perkhidmatan Perpustakaan sistem Peminjam Keluarga 100 buku setiap keluarga, dan Perkhidmatan Perpustakaan Komuniti dalam jangkakan panjang akan melahirkan "Tunas Bangsa" yang "cintakan buku, cintakan ilmu".

Salah satu tanda untuk menentukan tinggi rendahnya tamadun sebuah bangsa adalah melalui kuantiti dan kualiti pembacaan kerana buku mempunyai pelbagai disiplin yang mampu melahirkan manusia dalam berbagai kepakaran dan kemahiran. Kepakaran dan kemahiran yang dimiliki dan dikuasai inilah akan

menjadikan bangsa kita sebagai bangsa yang mampu bersaing di pentas dunia antarabangsa.

Saya penuh mengharapkan Dewan Bahasa dan Pustaka akan terus mengorak langkah bagi meningkatkan usaha untuk memasyarakatkan budaya membaca di kalangan penduduk negara ini, khususnya yang melibatkan “Tunas Bangsa” dan para belia tanah air. Misalnya, Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak yang dilaratkan perkhidmatannya kepada masyarakat sekolah dan institusi yang berasrama penuh telah memberi peluang kepada mereka untuk mendapatkan bahan-bahan bacaan bagi mempertajam minda dan mempertingkatkan pengetahuan. Begitu juga “Sistem Peminjaman Kelompok” dapat mendorong minat membaca dalam satu-satu institusi keluarga yang menghargai ilmu pengetahuan melalui pembacaan.

Semua usaha seperti ini, saya yakin, dapat memasyarakatkan budaya membaca di kalangan masyarakat Brunei. Dan seterusnya melestarikan pembelajaran sepanjang hayat ke arah melahirkan masyarakat Brunei yang berilmu dan bermaklumat.

Sekian, dan sekali lagi tahniah kepada semua pihak yang terlibat menjayakan usaha yang berkebajikan ini, dan sama-samalah kita berdoa dengan penghayatan tema “Buku Adalah Masa Depan” akan bercambah “Tunas Bangsa” sebagai penerus kesinambungan kedaulatan bangsa.

Wabillahit Taufiq Walhidayah,

Wassalamu’alaikum Warahamatullahi Wabarakatuh.